

The Jentayu yakin tawan Airbus

Oleh AZHARI ZAINOODDIN

KESUNGGUHAN empat pelajar bersama-sama mentor mereka dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) kampus Malaysia Spanish Institute (MSI), Kulim, Kedah, memperkenalkan teknologi berasaskan minyak sawit untuk industri pembinaan pesawat, nyata membuah hasil apabila kumpulan mereka terpilih sebagai salah satu daripada 100 kumpulan yang layak memasuki pusingan kedua cabaran 'Fly Your Idea With Airbus 2015'.

Lebih membanggakan, kumpulan terdiri daripada Mohd. Nor Hazwan Hadzir, 24; Muhammad Hafiz Othman, 24; Muhammad Adafi Azemi, 22; Mohd. Afiq Zabidi, 28 dengan mentor mereka, Muhammad Husaini Abu Bakar yang juga pensyarah di UniKL kampus MSI itu bukan sahaja mampu menewaskan peserta-peserta daripada institusi pengajian tinggi tempatan malah turut mengeneipkan penyertaan daripada universiti ternama dunia dalam pertandingan anjuran syarikat pengeluar pesawat Airbus terbabit.

Menurut Muhammad Husaini, dengan fokus kajian untuk membawa dunia melihat teknologi daripada kaca mata anak Malaysia, kumpulan pelajarnya yang menggelarkan diri sebagai 'The Jentayu' itu dilihat mampu menghasilkan teknologi terbaik bagi mengatasi masalah utama dalam industri pembinaan pesawat.

Katanya, melalui teknologi menggunakan minyak sawit, sistem penyerap getaran beramplitud mikro dan berfrekuensi tinggi yang dihasilkan 'The Jentayu' mampu mengurangkan kos pembinaan pesawat termasuk mengelakkan kerugian kira-kira 40 peratus yang selama ini ditanggung syarikat pengeluar pesawat.

"Dalam industri pembinaan pesawat, antara masalah utama yang sehingga kini masih membelenggu syarikat pengeluar kenderaan terbabit adalah proses penggerudian panel komposit yang digunakan sebagai kulit yang meliputi badan pesawat.

"Namun proses berkenaan biasanya meninggalkan kesan sehingga panel komposit terbabit terpaksa dibuang dan proses penggerudian ini menjangkau 40 daripada 60 peratus tanggungan kerugian yang terpaksa ditampung syarikat terlibat," katanya kepada Utusan Malaysia ketika ditemui di Seberang Jaya, Permatang Pauh, baru-baru ini.

Dalam pertandingan 'Fly Your Idea With Airbus 2015', The Jentayu merupakan satu daripada empat kumpulan pelajar daripada UniKL yang berjaya mara ke pusingan kedua pertandingan berkenaan sekali gus mengeneipkan peserta lain termasuk daripada institusi pengajian tinggi awam negara yang semuanya terkandas di pusingan pertama.

Tambah beliau, melalui pertandingan berkenaan, pelajarnya berjaya menghasilkan bendalir reologi magnet (BRM) berasaskan minyak sawit yang dilihat membantu dalam mengatasi masalah penggerudian dalam proses pembinaan pesawat.

Tegasnya, BRM yang dihasilkan pelajar-pelajar ini adalah lebih rendah tahap kelikatannya dan mampu bertukar kepada



AHLI Kumpulan Jentayu (dari kiri) Muhammad Husaini Abu Bakar, Mohd Nor Hazwan Hadzir, Muhammad Adafi Azemi dan Muhammad Hafiz Othman yakin mereka mampu meraih kejayaan membanggakan dalam pertandingan Fly Your Idea With Airbus.



Dalam industri pembinaan pesawat, antara masalah utama yang sehingga kini masih membelenggu syarikat pengeluar kenderaan terbabit adalah proses penggerudian panel komposit yang digunakan sebagai kulit yang meliputi badan pesawat."

MUHAMAD HUSAINI
 Pensyarah di UniKL

pepejal dengan lebih pantas berbanding BRM sedia ada yang kebanyakannya dihasilkan daripada minyak silikon.

"Dengan menggunakan sumber asli daripada hasil sawit, pelajarnya mampu menghasilkan BRM yang mampu bertukar daripada cecair kepada pepejal dalam masa kurang daripada mili saat apabila medan magnet dikenakan terhadapnya.

"Melalui sifat-sifat sedia ada dalam BRM berasaskan minyak sawit ini bakal menjadikan penemuan terbaru The Jen-

tayu adalah yang terbaik kerana mampu menjadi penyerap getaran yang optimum dan mengurangkan kerosakan ketika proses penggerudian dijalankan," katanya.

Selain itu, jelas Muhammad Husaini, pihaknya berbangga dengan penemuan para pelajarnya yang mampu menghasilkan produk dalam menangani masalah industri pembinaan pesawat tambahan pula hanya dengan menggunakan hasil asli tempatan iaitu kepala sawit.

"Selama ini hasil sawit hanya terarah kepada barangan makanan seperti minyak masak, mentega dan sabun sedangkan melalui kajian yang lebih mendalam, hasil sawit boleh dibangunkan untuk barangan berteknologi tinggi.

"Secara tidak langsung, kajian seperti yang dilakukan oleh The Jentayu ini mampu membuka lembaran baharu terhadap produk keluaran tempatan dan menaikkan ekonomi negara melalui hasil komoditi kelapa sawit," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Kumpulan The Jentayu, Mohd. Nor Hazwan menyatakan keyakinannya untuk melangkah ke pusingan akhir cabaran 'Fly Your Idea With Airbus 2015' memandangkan hasil ciptaan mereka mempunyai keunikan sendiri dan merupakan satu-satunya produk yang memberi impak dalam pengurangan kos industri pembinaan pesawat.

Tegasnya, setakat ini pihak Airbus juga menunjukkan minat terhadap produk dihasilkan The Jentayu dengan menyatakan

produk terbabit merupakan idea baharu yang dimajukan kepada pihak mereka sepanjang pertandingan terbabit diadakan.

"Setelah berjaya melangkah ke pusingan kedua, setiap kumpulan akan diberikan mentor daripada pihak Airbus sendiri dan difahamkan hanya The Jentayu sahaja yang diberikan mentor bukan dari kalangan jurutera Airbus.

"Kami diberikan mentor dari bahagian kewangan syarikat gergasi dalam industri pembinaan pesawat ini dan itu menunjukkan adanya kelebihan dalam hasil ciptaan The Jentayu," tegasnya.

Katanya, dia sendiri seakan-akan tidak percaya apabila kumpulan mereka berjaya bersaing bersama 518 kumpulan pelajar dari seluruh dunia sebelum terpilih antara 100 kumpulan pelajar dari seluruh dunia untuk memasuki pusingan kedua pertandingan terbabit.

"Dalam pusingan kedua ini kami perlu menyiapkan proposal dan video yang perlu dihantar sebelum 30 Mac ini serta setakat ini saya dengan ahli kumpulan lain yakin melalui hasil kajian dilakukan, The Jentayu mampu melangkah ke pusingan akhir sekali gus menjadi antara lima kumpulan terbaik yang bakal berentap di pusingan akhir nanti.

"Alhamdulillah segala ilmu yang diperoleh dari UniKL-MSI akan kami praktikkan dalam cabaran ini biarpun baru pertama kali menyertai pertandingan anjuran Airbus ini," katanya.